

Konflik DAP-PCR Johor Bukti Pucuk Pimpinan Pakatan Pembangkang Lemah Bernama
22 Februari, 2013

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Pergeseran antara parti DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Johor membuktikan pakatan pembangkang bukan sahaja tiada persefahaman di peringkat negeri, tetapi juga lemah di peringkat pimpinan tertinggi.

Bekas Ketua Cawangan DAP Pantai Sepang, R.Vellasamy berkata sejak konflik itu tercetus, masih tiada campur tangan dari pemimpin utama pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dalam pakatan pembangkang, Anwar Ibrahim boleh menggabungkan PAS, PKR, DAP tetapi kenapa masalah kecil (konflik di Johor) tidak boleh diselesaikan, "katanya pada sidang media di sini, Jumaat.

Konflik yang dikatakan berlaku disebabkan perebutan kerusi antara kedua-dua parti itu memuncak baru-baru ini apabila pengerusi DAP negeri Dr Boo Cheng Hau dilaporkan mahu Chua Jui Meng dilucutkan jawatannya sebagai pengerusi PKR negeri berikutan dakwaan Chua sedang melancarkan kempen secara rahsia terhadap DAP di Johor.

Lebih membingungkan, Vellasamy berkata, tindakan Boo yang mahu kepimpinan PKR melakukan siasatan terhadap Chua disokong Pengerusi DAP Karpal Singh, walaupun secara terbuka Boo mencampuri urusan dalaman PKR.

"Karpal Singh tidak sepatutnya mencampuri urusan dalaman parti di peringkat negeri tanpa berbincang terlebih dahulu dengan pucuk pimpinan lain," katanya.

Pandangan beliau turut dikongsi oleh ketua cabang PKR Sepang Selatan, Mafhul Wahid, yang menyatakan pemimpin utama lain dalam PKR juga sehingga kini masih berdiam diri dalam isu itu.

"Ini saat genting, sudah hampir Pilihan Raya Umum ke-13, tapi lihat, Lim Guan Eng (Setiausaha Agung DAP) pun mendiamkan diri, padahal dia sepatutnya juga menasihatkan Karpal Singh untuk tidak campur tangan sebelum berbincang dengan Anwar," katanya.

Tambah beliau, pakatan pembangkang kini secara jelas menampakkan kelemahan mereka dari segi persefahaman dan buktinya pakatan pembangkang di peringkat negeri semakin berpecah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=929777>